

Headline	KIV2 di Actor Studio		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	26	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	243 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,113
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,338



KIV2 di Actor Studio

DISATUKAN di atas satu pentas kerana kecintaan mereka dalam bidang tarian, lima koreografer muda tanah air ini akan menunjukkan kebolehan mereka melalui persembahan julang-julang kali dinamakan KIV2 Beyond Say (KIV2).

Persembahan tarian yang mengangkat tarian kontemporari itu menggabungkan Lex Lakshman Balakrishnan, Fairuz Tauhid, Ezdianic Hayati Omar, Akmal Ayob dan Nazri Zahauddin.

KIV2 yang bakal dipentaskan di The Actors Studio di Lot 10, Kuala Lumpur merupakan kesinambungan daripada edisi pertama KIV yang diadakan dua tahun lalu.

Menariknya dengan setiap koreografer datang daripada latar belakang berbeza, KIV2 menjanjikan persembahan yang pastinya luar biasa.

Sebagai contoh Ezdianic Hayati merupakan bekas ahli kumpulan Akasia, manakala Nazri

pula salah seorang daripada koreografer rancangan tarian *Sehati Berdansa*.

Menurut Nazri, setiap koreografer akan membuat pentas tarian berbeza.

Beliau yang akan menari berdua dengan pasangannya akan menterjemahkan falsafah batik dalam tarian.

"Tarian saya melihat kepada abstrak seni batik. Apa yang kita nampak pada batik dan falsafahnya saya inspirasikan ke dalam tarian.

"Sementara Lakshman pula akan membuat tarian yang mengisahkan mengenai HIV," kata graduan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) itu.

KIV2 akan membuka tirai mulai 19 hingga 23 Oktober ini dengan tiket berharga RM25 atau RM15 untuk pelajar.

Untuk pertanyaan lanjut boleh hubungi talian 03-2142 2009.

KIV2 menggabungkan lima koreografer muda di pentas Actor Studio, Lot 10.